


5H4M DALAT + MUI NE + HO CHI MINH



DATANLA WATERFALL ADALAH DESTINASI POPULAR YANG TERLETAK DI VIETNAM, TERKENAL DENGAN KEINDAHAN ALAM DAN AKTIVITI MENARIK SEPERTI ALPINE ROLLER COASTER.

5H4M

DALAT + MUI NE + HO CHI MINH



HARI 01 KUALA LUMPUR - HO CHI MINH - DALAT

MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Ho Chi Minh dan bertolak ke Dalat. Tiba di Dalat.

- Membeli belah di **Dalat Night Market** yang terkenal di Dalat. Pasar malam ini dipenuhi dengan gerai berwarna-warni yang menjual pelbagai makanan ringan tempatan, buah-buahan segar, pakaian dan cenderahati.

Bermalam di **Dalat**.

HARI 02 DALAT

SP/MT/MM

Lawatan di **Dalat**:

- **Clay Tunnel**: Dibina pada tahun 2010, terowong ini dipenuhi dengan ukiran struktur binaan menggunakan tanah liat. Peserta boleh melihat pelbagai ukiran unik seperti bentuk haiwan, kapal terbang, keretapi dan lain-lain.
- **Mongoland**: Rasai pengalaman "Mini Mongolia" di pergunungan Dalat, penuh spot foto Instagrammable, landskap hijau luas dan aktiviti mesra keluarga. Rasai pengalaman Rainbow Slide yang menyeronokkan – gelongsor warna-warni terbesar di Dalat, sesuai untuk semua peringkat usia.
- **Datanla Waterfall**: Rasai Alpine Coaster melalui hutan terus ke air terjun – pengalaman menyeronokkan dan mendebarkan yang pasti meninggalkan kenangan manis.
- **Robin Hill Cable Car**: Menaiki cable car dari Robin Hill pada ketinggian sekitar 1,500 meter dari aras laut. Peserta dapat menikmati pemandangan hutan pine dan bandar Dalat.
- Sepanjang perjalanan, para pelancong dapat menikmati pemandangan indah hutan pine serta panorama bandar Dalat dari udara yang memukau.
- **Dalat Flower Garden**: Taman bunga ini mempunyai keluasan 7000 meter persegi dan mempunyai lebih 300 spesis bunga hidup yang sangat cantik, menjadi destinasi wajib untuk mereka yang bercuti ke Dalat.
- **Amiee Dalat**: Membeli belah di sebuah kedai yang menjual pelbagai jenis pakaian Muslimah seperti telekung, tudung, kain ela dan jubah.

Bermalam di **Dalat**.

Bermula dari April 2026:

- Lawatan ke Crazy House akan ditukarkan kepada lawatan menaiki Cable Car menuju ke Robin Hill. Perjalanan sejauh 2 kilometer dan mengambil masa selama 22 minit dengan melihat landskap semula jadi yang memukau.)

HARI 03 DALAT - MUI NE - HO CHI MINH

SP/MT/MM

Lawatan di **Muine**:

- **Mui Ne Sand Dunes**: Tempat ini menjadi tarikan pelancong untuk bersantai dan menikmati pengalaman menaiki jeep atas pasir. Padang pasir ini memiliki dua kawasan terdiri daripada Bukit Pasir Merah dan Bukit Pasir Putih. Bukit Pasir Merah terkenal dengan pasir berwarna merah dan oren, menghasilkan landskap yang menyerupai padang pasir, manakala Bukit Pasir Putih pula lebih besar dan agak jauh dari bandar Mui Ne.
- Pulang ke Ho Chi Minh dan melalui kawasan **Fisherman Village**. Tempat ini merupakan kawasan persisiran laut yang menjual pelbagai jenis ikan dan hidupan laut yang lain.
- **Bamboo Shop**: Kedai seni yang memfokuskan pada produk kraftangan dari buluh dan kelapa seperti cawan, lampu, dan hiasan rumah.

Bermalam di **Ho Chi Minh**.

HARI 04 HO CHI MINH

SP

Tetamu bebas melakukan aktiviti sendiri seperti membeli-belah di pasar Ben Thanh Market dan kawasan sekitar.

Lawatan tambahan:

- **Sungai Mekong**: RM 120 pp (Termasuk transport, tour guide, air mineral, lunch, boat, sampan, teh madu, buah-buahan. Tidak termasuk tipping naik sampan).

Bermalam di **Ho Chi Minh**.

HARI 05 HO CHI MINH - KUALA LUMPUR

SP

- Membeli belah saat akhir di sekitar kawasan **Ben Thanh Market**.
- Disini juga terdapat jalan yang dikenali sebagai **Malaysian Street** yang menjadi tumpuan pelancong Malaysia. Jalan ini menjual pelbagai baju, kain, telekung, kain dan lain-lain. Selain itu, di jalan ini juga terdapat banyak restoran menjual makanan yang dijamin halal.

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PERTUKARAN MATA WANG



VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20



PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - September



Musim Luruh:
Okt - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei

VIETNAM

Dalat

Muine

Ho Chi Minh

TOUR HIGHLIGHTS

1.



MONGOLAND

Taman bertemakan suasana Mongol ini dipenuhi dengan taman bunga, tasik dan miniatur yang mempunyai sudut yang menarik untuk bergambar. Anda boleh berinteraksi dengan haiwan peliharaan yang jinak di sini.

2.



DATANLA WATERFALL

Rasai Alpine Coaster melalui hutan terus ke air terjun – pengalaman menyeronokkan dan mendebarkan yang pasti meninggalkan kenangan manis.

3.



MUI NE SAND DUNES

Tempat ini menjadi tarikan pelancong untuk bersantai dan menikmati pengalaman menaiki jeep atas pasir. Padang pasir ini memiliki dua kawasan terdiri daripada Bukit Pasir Merah dan Bukit Pasir Putih.

4.



MEKONG DELTA

Sertai lawatan tambahan ke Sungai Mekong. Sungai Mekong adalah sungai ke 12 terbesar dan terpanjang di dunia. Medium pengangkutan di pulau kebanyakannya menggunakan bot dan sampan.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Dalat	2 Mlm
Ho Chi Minh	2 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 750	KUL - SGN	0900	1000
5	MH 759	SGN - KUL	1640	1940

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket lawatan termasuk pengangkutan kereta jeep di padang pasir, Mongoland, Alpine Coaster, Cable Car Robinhill dan Flower Garden.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Optional Tour: Sungai Mekong (RM 120).
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.